

Jangan belanja rokok: Menteri

KUALA LUMPUR, Ahad — Menteri Kerja Raya, Datuk S. Samy Vellu, hari ini mengingatkan para kontraktor yang ingin mendapatkan tender daripada Jabatan Kerja Raya supaya berhenti dari menawarkan rokok kepada kakitangan jabatannya untuk mengelakkan rasuah.

Tambahnya, jika kontraktor dapat menghentikan amalan itu, walaupun jika bersabit sebatang rokok, sedikit demi sedikit kejadian rasuah di kalangan kakitangan berkenaan akan dapat dihapuskan.

Katanya, rasuah yang pertama yang dilakukan oleh kakitangan

Oleh AIRY LIM

adalah menerima rokok yang ditawarkan oleh kontraktor.

Beliau akan mengadakan penyiasatan di jabatan itu mulai Rabu ini.

"Saya akan mendapatkan kerjasama Menteri Besar Selangor, Datuk Haji Ahmad Razali Ali, untuk menyiasat kerana Jabatan Air Selangor adalah di bawah pentadbiran Negeri Selangor," kata Datuk Samy Vellu ketika diminta mengulas laporan sebuah akhbar tempatan hari ini mengenai amalan yang tidak menyenangkan oleh kakitangan jabatan itu.

Laporan itu mendakwa wujudnya golongan pegawai-pegawai rendah yang meminta bayaran daripada kontraktor sebelum meluluskan permohonan.

Pegawai-pegawai itu didakwa meminta \$25,000 untuk menyelesaikan kerja-kerja pemasangan paip air sepanjang 36 inci di Bangunan Perbadanan Pembangunan Bandar.

Lapisan

Datuk Samy Vellu menasihatkan kontraktor-kontraktor yang menjadi sasaran golongan itu supaya melaporkan kejadian itu kepada Badan Pencegah Rasuah.

"BPR adalah sebuah badan yang mempunyai kuasa untuk bertindak mengikut undang-undang," jelas beliau.

Katanya, semua bayaran tender di jabatannya hendaklah melalui 32 peringkat atau lapisan sebelum diluluskan.

Ujarnya, pihaknya masih mengkaji untuk mengemaskinkan sistem itu untuk mengelakkan kelewatan meluluskan sesuatu tender.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia